



IKLAN JAWATAN KOSONG

Sinergi Perdana Sdn. Bhd. mempelawa semua kakitangan syarikat yang berkelayakan serta warganegara Malaysia yang berminat untuk memohon dan mengisi kekosongan jawatan di syarikat ini seperti maklumat berikut:

1. EKSEKUTIF KUALITI DAN ISO (EG4)	
Gred Jawatan	: Eksekutif Gred 4 (EG4)
Tangga Gaji	: RM1,842.00 – RM5,353.00
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan / Unit	: Perkilangan
Lokasi	: Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab memastikan sistem pengurusan kualiti syarikat dilaksanakan, diselenggara dan ditambah baik secara berterusan selaras dengan keperluan pawaian antarabangsa, keperluan pelanggan, peraturan serta objektif organisasi.

SKOP TUGASAN

- Mengurus, menyelaras dan memastikan pelaksanaan serta penyelenggaraan pensijilan ISO syarikat mengikut keperluan standard yang berkaitan.
- Menyelaras proses permohonan, pembaharuan, audit dalaman, audit luaran dan audit pensijilan bagi semua sistem pengurusan yang digunapakai oleh syarikat.
- Mengurus dan mengawal semua dokumen terkawal termasuk polisi, prosedur, arahan kerja, borang dan rekod mengikut keperluan sistem pengurusan.
- Menyelaras aktiviti pengurusan risiko organisasi termasuk pengenalpastian, penilaian, pemantauan dan tindakan mitigasi risiko.
- Menyelaras mesyuarat berkaitan sistem pengurusan termasuk penyediaan agenda, minit mesyuarat dan pemantauan tindakan susulan.
- Memantau pematuhan terhadap keperluan standard, perundangan dan keperluan pelanggan yang berkaitan dengan sistem pengurusan syarikat.

- Menyelaras program latihan, kesedaran dan penambahbaikan berterusan berkaitan sistem pengurusan dan kualiti.
- Menyediakan laporan berkala berkaitan prestasi sistem pengurusan, audit, risiko dan tindakan penambahbaikan untuk pihak pengurusan.
- Memberi khidmat sokongan dan nasihat kepada semua jabatan dalam perkara berkaitan kualiti, pematuhan, audit dan sistem pengurusan.
- Melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 25 tahun.
- Sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Kualiti, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Operasi, Kejuruteraan Industri, Kejuruteraan Pembuatan atau bidang berkaitan. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO) dan audit dalaman.
- Mempunyai sijil atau latihan berkaitan Sistem Pengurusan ISO adalah satu kelebihan, atau mana-mana bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Mempunyai pensijilan Internal Auditor atau Lead Auditor bagi standard ISO yang berkaitan adalah satu kelebihan.
- Calon yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan RISDA Holdings perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing.



2. EKSEKUTIF BEKALAN DAN LOGISTIK (INBOUND) (EG4)	
Gred Jawatan	: Eksekutif Gred 4 (EG4)
Tangga Gaji	: RM1,842.00 – RM5,353.00
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan / Unit	: Perkilangan / Bekalan & Logistik
Lokasi	: Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab menjalankan setiap aktiviti logistik berkaitan penerimaan dan penghantaran bahan mentah, produk siap serta barangan lain mengikut jadual yang ditetapkan untuk kelancaran operasi di premis SPSB.

SKOP TUGASAN

- Bertanggungjawab dalam perancangan menerima, mengendali, menyemak, menyimpan & menyelenggara inventori barang masuk atau keluar di gudang, yang terdiri daripada bahan mentah, stok dalam proses dan stok barang siap yang disimpan di dalam premis syarikat.
- Merancang aktiviti penghantaran mengikut jadual yang termaktub bagi memastikan kepuasan setiap pelanggan.
- Bertanggungjawab memastikan stok disimpan dengan selamat untuk keterjaminan kualiti barang.
- Memastikan gudang bersih dan selamat untuk kakitangan bekerja.
- Berhubung dengan pihak berkepentingan iaitu Jabatan Perolehan, Jabatan Pemasaran & Pembangunan Perniagaan, Unit Pembuatan, Unit Kejuruteraan, Unit Makmal dan Jabatan Kewangan & Perakaunan berkaitan dengan urusan operasi harian.
- Menyelia dan memantau kerja dan tugas antara sub-kontraktor dan penyedia perkhidmatan dalam syarikat untuk kelancaran operasi.
- Menguruskan aktiviti logistik dan operasi berkaitan pelanggan luar bagi perniagaan syarikat.
- Mengemas kini laporan dan merekod data yang berkaitan dengan sistem SAP.
- Menyediakan laporan mingguan dan bulanan setiap aktiviti penerimaan dan penghantaran kepada Ketua Unit.



- Sebarang tugas atau projek lain yang diarahkan oleh Ketua Unit dan Pengurusan Tertinggi. Lain-lain tugas adalah berdasarkan arahan pengurusan syarikat.

SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 21 tahun.
- Mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya Diploma / Ijazah dalam bidang berkaitan logistik, pertanian, atau mana-mana bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Pengalaman kerja tidak kurang dua (2) tahun dalam bidang bekalan dan logistik.
- Calon yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan RISDA Holdings perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing.

3. PEMBANTU MAKMAL (TG3)	
Gred Jawatan	: Teknisyen Gred 3 (TG3)
Tangga Gaji	: RM1,700 – RM3,419
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan / Unit	: Perkilangan / Makmal
Lokasi	: Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Penyelia dalam tugas di bawah Unit Makmal.

SKOP TUGASAN

- Bertanggungjawab mengambil sampel bahan mentah & proses baja mengikut masa yang ditetapkan.
- Membantu menyediakan larutan, reagen dan standard untuk kegunaan analisa

- Menjalankan analisis asas (kimia & fizikal) terhadap sampel mengikut sop yang ditetapkan.
- Memastikan ketepatan analisa makmal dengan hasil yang tepat dan konsisten (mengikut SOP yang ditetapkan).
- Menyediakan dan mengemaskini borang analisa asas sebagai rekod.
- Bertanggungjawab memastikan data analisa sentiasa tepat, betul sentiasa dikemaskini dan memaklumkan kepada penyelia makmal & jurukimia.
- Membantu dalam penyediaan data bagi tujuan kawalan kualiti & audit.
- Menyediakan & memastikan peralatan asas makmal dan bahan reagen untuk proses analisa sentiasa tersedia.
- Memastikan mesin analisa sentiasa bersih & dalam keadaan baik sebelum dan selepas digunakan.
- Memastikan stok kimia, reagen dan kelengkapan makmal mencukupi serta melaporkan sekiranya hampir habis.
- Mematuhi SOP keselamatan dengan menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) semasa bekerja.
- Memastikan persekitaran makmal sentiasa bersih, tersusun dan selamat.
- Menghadiri latihan ringkas keselamatan dan kesedaran risiko.
- Memaklumkan segera terhadap sebarang ketidakpatuhan atau insiden kemalangan.
- Memberi sokongan teknikal kepada penyelia makmal/jurukimia dalam melaksanakan projek penyelidikan atau analisa kawalan kualiti .
- Membantu dalam penyediaan sampel baja.
- Sentiasa kerjasama & mengekalkan hubungan baik sesama staf serta memberikan sepenuh perhatian terhadap tugas.
- Menghadiri latihan teknikal untuk meningkatkan kemahiran.
- Lain-lain tugas adalah seperti yang diarahkan oleh penyelia dan pengurusan syarikat.

SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 18 tahun.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam bidang berkaitan.
- Calon yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan RISDA Holdings perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing.



4. KERANI BEKALAN & LOGISTIK (KG3)	
Gred Jawatan	: Kerani Gred 3 (KG3)
Tangga Gaji	: RM1,700 – RM3,359
Status Jawatan	: Tetap / Kontrak
Jabatan / Unit	: Perkilangan / Bekalan & Logistik
Lokasi	: Bandar Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang, Selangor
Kekosongan	: Satu (1)

RINGKASAN TANGGUNGJAWAB

Kerani Bekalan dan Logistik bertanggungjawab melaksanakan tugas sokongan pentadbiran dan pengkeranian dalam Unit Bekalan dan Logistik.

SKOP TUGASAN

- Melaksanakan tugas pentadbiran dan pengkeranian kepada Unit Bekalan dan Logistik, kawalan inventori gudang dan stesen timbang seperti menyusun atur dan pemfailan dokumen-dokumen Jabatan.
- Menyediakan semua dokumentasi yang diperlukan oleh Unit Bekalan dan Logistik, kawalan inventori gudang dan stesen timbang.
- Menyediakan dokumentasi pengoperasian seperti surat, pemfailan dan laporan.
- Bertanggungjawab dalam kemasukan data dalam sistem SAP dan dokumen pelaporan lain.
- Mengemaskini laporan harian yang berkaitan sebelum diserahkan kepada Eksekutif / Ketua Unit.
- Bertanggungjawab dalam menerima panggilan masuk, e-mel dan faks, termasuk menyampaikan mesej kepada staf yang berkaitan untuk mengambil tindakan jika perlu.
- Memastikan kekemasan stesen kerja dan pejabat.
- Mengekalkan hubungan baik dengan pembantu pentadbiran dan kerani lain dalam syarikat.
- Sebarang tugas atau projek lain seperti yang diarahkan oleh ketua unit / jabatan dan pengurusan.

SYARAT DAN KELAYAKAN AKADEMIK SERTA PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak kurang daripada 20 tahun.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- Pengalaman kerja tidak kurang satu (1) tahun dalam Bekalan dan Logistik diberi keutamaan.
- Calon yang sedang berkhidmat di Sinergi Perdana Sdn. Bhd. perlu mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan masing-masing.



CARA PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat secara bersurat melalui serahan tangan, pos atau e-mel dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

1. *Resume* terkini
2. Salinan kad pengenalan
3. Salinan surat beranak
4. Salinan kelayakan sijil akademik dan lain-lain yang disahkan
5. Salinan slip gaji tiga (3) bulan yang telah disahkan
6. Sekeping gambar berukuran saiz pasport
7. Lain-lain dokumen sokongan tambahan yang berkaitan.

<p>Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke alamat:</p> <p>SINERGI PERDANA SDN. BHD. (903305-K) Tingkat 10, Menara Kumpulan RISDA, Jalan Ampang Ulu 3, 55000 Kuala Lumpur T: +603-48157260 F: +603-48157280 (U/P: Ketua Pegawai Eksekutif http://www.sinergiperdana.com.my/</p> <p>ATAU</p> <p>Emailkan:</p> <p>Kepada: shifaa@sinergiperdana.com.my / nazia@sinergiperdana.com.my (Nyatakan nama jawatan yang dipohon pada tajuk email)</p> <p>**Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuror kiri sampul surat</p> <p>PERHATIAN:</p> <p>Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat akan ditolak. Hanya calon-calon yang ditapis senarai sahaja yang akan dipanggil temuduga.</p>	<p>TARIKH TUTUP</p> <p>SILA HANTAR PERMOHONAN ANDA SEBELUM ATAU PADA</p> <p>30 Jun 2026</p>
---	--